

Teng ku Razaleigh,
Musa Hitam akan
kalah jika cabar
Pak Lah

UM 15 JUN 2003

ADAKAH Datuk Seri kkuatir pemimpin-pemimpin lain yang berada di luar barisan kepimpinan tertinggi UMNO cuba mengatur balik kumpulan mereka sendiri dan melawan barisan Pak Lah selepas Datuk Seri berundur nanti? Adakah wujud kekhuatiran itu?

DR. MAHATHIR: Saya tidak fikir ada orang akan cabar Pak Lab. Tapi sebelum selesai kedudukan nombor dua dalam UMNO, akan berlaku sedikit perebutan untuk mendapatkan kedudukan nombor dua.

Adakah Datuk Seri yakin jika perebutan itu berlaku, ia hanya berlaku di kedudukan nombor dua?

DR. MAHATHIR: Jawatan nombor dua ke bawah. Saya tidak fikir Pak Lab akan dicabar. Saya sungguh sedih jika dia dicabar.

Biarlah kita lebih terbuka, adakah Datuk Seri jangka orang seperti Tengku Razaleigh dan Musa Hitam akan muncul semula dalam persaingan merebut jawatan pucuk pimpinan UMNO?

DR. MAHATHIR: Saya tidak fikir ia akan berlaku. Jika mereka lakukan, mereka akan kalah.